

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 9 Julai 2024

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 13/2024

YBhg. Prof. Datin Dr. Marina Mat Baki
Dekan Fakulti Perubatan

YBhg. Prof. Dr. Tuti Ningseh Mohd Dom
Dekan Fakulti Pergigian

YBhg. Prof./ Datin,

SYARAT KHUSUS KENAIKAN PANGKAT BAGI PENSYARAH PERUBATAN DAN PENSYARAH PERGIGIAN GRED DU/DUG 55/56 KE JAWATAN PENSYARAH PERUBATAN DAN PENSYARAH PERGIGIAN GRED KHAS C (LALUAN KERJAYA)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2024 bertarikh 24 Mei 2024 telah bersetuju meluluskan Syarat Khusus Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian Gred DU/DUG 55/56 ke jawatan Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian Gred Khas C (Laluan Kerjaya).

3. Bersama-sama ini, dilampirkan Syarat Khusus Kenaikan Pangkat Pensyarah Perubatan Gred DU 55/56 Ke Gred Khas C (VK7) Laluan Kerjaya (LK) pada **Lampiran 1** dan Syarat Khusus Kenaikan Pangkat Pensyarah Pergigian Gred DUG 55/56 Ke Gred Khas C (VK7) pada **Lampiran 2** untuk perhatian dan hebahan kepada semua staf akademik di bawah seliaan YBhg. Prof./Datin selanjutnya. Untuk makluman, tarikh kuat kuasa syarat ini adalah berdasarkan tarikh kelulusan Mesyuarat LPU iaitu mulai **24 Mei 2024**.

4. Sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut YBhg. Prof./Datin boleh menghubungi pegawai seperti berikut:

Bil.	Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat e-mel	No. Telefon
1.	Puan Norashikin Ibrahim Ketua Penolong Pendaftar Kanan/ Ketua Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	shikin@ukm.edu.my	03-8911 8223



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 8 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Bil.	Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat e-mel	No. Telefon
2.	Cik Norhayati Alias Pembantu Tadbir (P/O) N22 Unit Perjawatan dan Kenaikan Pangkat Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	norhayati.alias@ukm.edu.my	03-8911 8246

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Datin dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD. DAUD
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 8 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

SYARAT KHUSUS KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH PERUBATAN GRED DU 55/56 KE GRED KHAS C (VK7) LALUAN KERJAYA (LK)**Syarat Dari Gred DU 55/56 ke Gred Khas C (LK)**

Kenaikan pangkat Pensyarah Perubatan Gred DU 55/56 ke Gred Khas C (LK) perlu memenuhi syarat berikut:

1. Mempunyai Sarjana Kepakaran atau Ijazah Doktor Falsafah atau Doktor Kesihatan Masyarakat (DrPH);
2. Telah dua (2) tahun menyandang jawatan Profesor Madya Gred DU 55/56;
3. Memenuhi syarat yang ditetapkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kesepakatan di peringkat F/I/P seperti berikut:
 - a. Telah menerbitkan sekurang-kurangnya lapan (8) artikel jurnal, di mana:
 - i. Sekurang-kurangnya lima (5) WoS (Q1-Q4) dan selebihnya terindeks ESCI/ Scopus selepas dilantik ke Gred DU 55 atau dinaikkan pangkat ke Gred DU 56 (penerbitan hendaklah didaftarkan di dalam Sistem e-Repositori Penerbitan UKM); dan
 - ii. Lima (5) daripadanya hendaklah sebagai pengarang utama atau pengarang koresponden.
 - b. Geran Penyelidikan:
 - i. Menetapkan jumlah geran penyelidikan yang diperolehi sekurang-kurangnya RM100 ribu ke atas (kumulatif); dan
 - ii. Mengetuai sekurang-kurangnya satu (1) geran penyelidikan luar.
 - c. Penyeliaan Pelajar Siswazah secara Tesis/ Disertasi ATAU Doktor Kepakaran:
 - i. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya satu (1) pelajar Doktor Falsafah/ Doktor Kesihatan Masyarakat dan satu (1) pelajar Sarjana yang telah tamat pengajian; atau
 - ii. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya dua (2) pelajar Sarjana Kepakaran/ Doktor Kepakaran; atau
 - iii. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya tiga (3) pelajar Sarjana yang telah tamat pengajian;

****Penyetaraan: 1 penyelia utama disetarakan dengan 2 Penyelia Bersama**

4. Mencapai prestasi yang memuaskan seperti berikut:

- a. Mencapai markah purata minimum 80% dalam Laporan Nilai Prestasi (LNP) dan Sahsia bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir mengikut pengiraan wajaran seperti berikut:

Tahun Penilaian	Wajaran	Formula
Tahun Pertama (a)	20%	$= \frac{\text{Markah LNP} \times 20}{100}$
Tahun Kedua (b)	35%	$= \frac{\text{Markah LNP} \times 35}{100}$
Tahun Ketiga (c)	45%	$= \frac{\text{Markah LNP} \times 45}{100}$
Markah Wajaran (d)	100%	$= a + b + c$

ATAU

- b. Mencapai tahap lulus/ baik bagi laporan lain yang setara (contoh: Laporan Cuti Belajar bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir).

**SYARAT KHUSUS KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH PERGIGIAN GRED
DUG 55/56 KE GRED KHAS C (VK7) LALUAN KERJAYA (LK)**

Syarat Dari Gred DUG 55/56 ke Gred Khas C (LK)

Kenaikan pangkat Pensyarah Pergigian Gred DUG 55/56 ke Gred Khas C (LK) perlu memenuhi syarat berikut:

1. Mempunyai Sarjana Kepakaran atau Ijazah Doktor Pakar Pergigian atau Doktor Falsafah atau Doktor Pakar Kesihatan Awam Pergigian;
2. Telah dua (2) tahun menyandang jawatan Profesor Madya Gred DUG 55/56;
3. Memenuhi syarat yang ditetapkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Kesepakatan di peringkat F//P seperti berikut:
 - a. Telah menerbitkan sekurang-kurangnya lapan (8) artikel jurnal, di mana:
 - i. Sekurang-kurangnya lima (5) WoS (Q1-Q4) dan selebihnya terindeks ESCI/ Scopus selepas dilantik ke Gred DUG 55 atau dinaikkan pangkat ke Gred DUG 56 (penerbitan hendaklah didaftarkan di dalam Sistem e-Repository Penerbitan UKM); dan
 - ii. Lima (5) daripadanya hendaklah sebagai pengarang utama atau pengarang koresponden.
 - b. Geran Penyelidikan:
 - i. Menetapkan jumlah geran penyelidikan yang diperolehi sekurang-kurangnya RM100 ribu ke atas (kumulatif); dan
 - ii. Mengetuai sekurang-kurangnya satu (1) geran penyelidikan luar.
 - c. Penyeliaan Pelajar Siswazah secara Tesis/ Disertasi ATAU Doktor Kepakaran:
 - i. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya satu (1) pelajar Doktor Falsafah/ Doktor Pakar Pergigian atau Doktor Pakar Kesihatan Awam Pergigian dan satu (1) pelajar Sarjana yang telah tamat pengajian; atau
 - ii. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya dua (2) pelajar Sarjana Kepakaran/ Doktor Kepakaran; atau
 - iii. Penyelia Utama bagi sekurang-kurangnya tiga (3) pelajar Sarjana yang telah tamat pengajian;

****Penyetaraan: 1 penyelia utama disetarakan dengan 2 Penyelia Bersama**

4. Mencapai prestasi yang memuaskan seperti berikut:

- a. Mencapai markah purata minimum 80% dalam Laporan Nilaiian Prestasi (LNP) dan Sahsia bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir mengikut pengiraan wajaran seperti berikut:

Tahun Penilaian	Wajaran	Formula
Tahun Pertama (a)	20%	$= \frac{(\text{Markah LNP} \times 20)}{100}$
Tahun Kedua (b)	35%	$= \frac{(\text{Markah LNP} \times 35)}{100}$
Tahun Ketiga (c)	45%	$= \frac{(\text{Markah LNP} \times 45)}{100}$
Markah Wajaran (d)	100%	$= a + b + c$

ATAU

- b. Mencapai tahap lulus/ baik bagi laporan lain yang setara (contoh: Laporan Cuti Belajar bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir).